



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

08 OGOS 2021 (AHAD)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

08 OGOS 2021 (AHAD)

Penularan COVID-19

Jangan jual kit ujian kendiri belum lulus

KPDNHEP kesan farmasi di Pahang edar kit kepada orang awam

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyarankan pengguna untuk berhati-hati ketika membeli kit ujian kendiri COVID-19 yang dijual di pasaran.

KPDNHEP berkata, pihaknya mengesakan ada farmasi di Pahang menjual kit ujian kendiri COVID-19 daripada syarikat yang belum mendapat kelulusan pihak berkuasa untuk mengedar dan menjual kepada

orang awam.

Katanya, siasatan lanjut mendapati farmasi terbabit itu membekalkan kit ujian bukan dari pada enam syarikat diluluskan kerajaan sebelum ini.

"Susulan itu, kementerian akan mengemukakan siasatan kepada pihak bertanggungjawab, Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) untuk tindakan lanjut memandangkan ia bukan di bawah bidang kuasa KPDNHEP.

"Orang ramai boleh merujuk laman rasmi MDA terlebih dulu bagi mendapatkan senarai syarikat dan produk diluluskan untuk pengedaran dan penjualan kit berkenaan," katanya dalam kenyataannya, semalam.

KPDNHEP menambah, pihaknya menerima aduan daripada pengguna berhubung penjualan kit ujian kendiri COVID-19 berharga RM60 seunit daripada syarikat belum diluluskan di

sebuah farmasi di Pahang dan Terengganu.

"Hasil siasatan mendapati, farmasi itu memperoleh bekalan kit ujian kendiri COVID-19 daripada sebuah farmasi di Pahang.

"Pemeriksaan juga mendapati, farmasi berkenaan mematuhi penandaan harga ke atas barangan terbabit bagi membolehkan pengguna membuat keputusan pembelian berdasarkan harga yang dipaparkan. Bagaimanapun, hingga kini kit ujian itu belum disenaraikan sebagai barangan dalam kawalan," katanya.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr-Adham Baba, sebelum ini dilaporkan berkata, setakat ini hanya enam kit ujian kendiri COVID-19 diluluskan oleh MDA untuk digunakan di negara ini.

Di Parit Buntar, Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Integrasi Nasional



Pengguna disaran berhati-hati ketika membeli kit ujian kendiri COVID-19 yang dijual di pasaran. (Foto hiasan)

dan. Masyarakat Sivil Perak, Datuk Abdul Yunus Jamhari, berkata KPDNHEP Perak memantau penjualan pelitup muka di seluruh negeri ini, termasuk dalam talian bagi memastikan tiada pihak mengambil kesempatan menjual produk tiruan.

"KPDNHEP mengambil serius perkara ini dan akan membuat pemantauan di seluruh premis termasuk dalam talian. Produk tiruan sebenarnya boleh mengakibatkan kesukaran bernafas dan boleh mendedahkan pengguna kepada bahaya COVID-19.

"Penjualan produk tiruan boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Perihal Dagangan 2011 iaitu menggunakan cap dagang palsu ke atas barangan bagi tujuan perdagangan.

"Jika sabit kesalahan, boleh dikenakan denda maksimum RM250,000 dan kesalahan kedua atau berikutnya, didenda sehingga RM500,000 bagi syarikat atau perbadanan," katanya pada Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK), di Dewan Semakolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Nam Hua, Tanjung Piang, semalam.

KPDNHEP kesan farmasi tiada kelulusan jual kit ujian Covid-19

PUTRAJAYA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengesan aktiviti pembekalan kit ujian sendiri Covid-19 membabitkan sebuah farmasi di Pahang yang tidak mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) di bawah Kementerian Kesihatan (KKM).

KPDNHEP dalam satu kenyataan berkata, pihaknya mendapati farmasi tersebut membuat pembekalan kit ujian sendiri Covid-19 kepada sebuah lagi farmasi lain di Terengganu dengan menjualnya pada harga RM60 seunit.

"Siasatan mendapati farmasi di Pahang itu bukan salah satu daripada enam syarikat yang mendapat kelulusan pihak berkuasa untuk mengedar dan menjual kit ujian sendiri Covid-19 kepada orang awam atau pengguna.

"Pemeriksaan bagaimana-pun mendapati penandaan harga ke atas barangan tersebut dipatuhi bagi membolehkan pengguna membuat keputusan pembelian berdasarkan harga yang dipaparkan memandangkan kit ujian sendiri Covid-19 belum disenaraikan dalam Barangan Kawalan setakat ini," katanya di sini semalam.

Katanya, tiada sebarang ramasan dibuat oleh penguat kuasa sebaliknya hanya menjerus kepada pemeriksaan.

KPDNHEP berkata, pihaknya akan mengemukakan dapatan siasatan kepada MDA untuk tindakan selanjutnya memandangkan ia bukan di bawah bidang kuasa KPDNHEP.

Pada masa sama, pengguna disaran supaya lebih berhati-hati dengan pembelian kit ujian itu di pasaran dengan membuat rujukan di laman web MDA untuk mendapatkan senarai syarikat dan produk yang telah diluluskan pengedaran dan penjualan kit ujian Covid-19.

KIT UJIAN COVID-19 RM60 Farmasi jual daripada syarikat tak diluluskan

Putrajaya: Sebuah farmasi di Pahang dikesan menjual kit ujian sendiri Covid-19 daripada syarikat yang belum mendapat kelulusan pihak berkuasa untuk mengedar dan menjual kepada orang awam.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berkata, perkara itu dikesan selepas pihaknya menerima aduan daripada pengguna mengenai penjualan kit ujian sendiri di Terengganu yang dijual dengan harga RM60 seunit.

Katanya, hasil siasatan mendapati farmasi berkenaan mendapat bekalan daripada sebuah farmasi dari Pahang.

“Siasatan lanjut mendapati farmasi berkenaan membekalkan kit ujian bukan daripada enam syarikat yang sudah diluluskan sebelum ini.

“Bagaimanapun, KPDNHEP akan mengemukakan siasatan berkenaan kepada pihak yang bertanggungjawab iaitu Pihak Berkuasa Peranti Perubatan Malaysia (MDA) untuk tindakan lanjut memandangkan ia bukan di bawah bidang kuasa Kementerian,” katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.



Siasatan lanjut mendapati farmasi berkenaan membekalkan kit ujian bukan daripada enam syarikat yang sudah diluluskan sebelum ini”

KPDNHEP

Sehubungan itu, KPDNHEP menyarankan pengguna untuk berhati-hati dan membuat rujukan di laman rasmi MDA bagi mendapatkan senarai syarikat dan produk yang sudah diluluskan bagi pengedaran dan penjualan kit berkenaan.

Sebelum ini, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba dilaporkan berkata, sehingga kini hanya enam kit ujian sendiri Covid-19 diluluskan oleh MDA untuk digunakan di negara ini.

Beliau dilaporkan berkata, kesemua kit yang diluluskan itu sudah selepas melepasi ujian prestasi dan memenuhi keperluan ditetapkan sebelum diberikan kelulusan bersyarat untuk dibekalkan ke farmasi komuniti dan fasiliti kesihatan untuk dibeli orang ramai.

KPDNHEP nasihat pengguna hati-hati beli kit ujian sendiri Covid-19

SHAH ALAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyarankan pengguna agar lebih berhati-hati dengan pembelian kit ujian sendiri Covid-19 di pasaran.

KPDNHEP dalam satu kenyataan memaklumkan pihaknya telah menerima

aduan pengguna mengenai penjualan kit ujian sendiri Covid-19 dengan harga RM60 seunit di sebuah farmasi di Terengganu.

"Hasil siasatan mendapati farmasi tersebut mendapat bekalan daripada sebuah farmasi di Pahang dan pemeriksaan turut mendapati farmasi terbabit telah mematuhi penandaan harga ke atas barangan ber-

kenaan bagi membolehkan pengguna membuat keputusan pembelian berdasarkan harga yang dipaparkan.

"Ini kerana hingga kini kit ujian tersebut belum disenaraikan dalam barangan kawalan," menurut kenyataan itu pada Sabtu.

KPDNHEP berkata, siasatan turut

mendapati farmasi di Pahang yang membekalkan kit ujian sendiri Covid-19 bukanlah salah satu daripada enam syarikat yang mendapat kelulusan pihak berkuasa.

Tambahnya, KPDNHEP akan mengemukakan dapatan siasatan itu kepada Pihak Berkuasa Peranti Perubatan Malaysia (MDA) bagi tindakan selanjutnya memandangkan ia bukan di bawah bidang kuasa KPDNHEP.

"Justeru, KPDNHEP sarankan pengguna merujuk laman sesawang rasmi MDA di pautan <https://portal.mda.gov.my/> untuk mendapatkan senarai syarikat dan produk yang diluluskan MDA bagi pengedaran dan penjualan kit ujian sendiri Covid-19," katanya.



KPDNHEP menjalankan pemeriksaan penjualan kit ujian Covid-19 di sebuah farmasi di Terengganu baru-baru ini.

KIT UJIAN KENDIRI COVID-19

- Alat digunakan sebagai ujian seringan yang dilakukan sendiri oleh individu
- Ia mempercepatkan pengesanan status COVID-19 individu & mudah
- Keputusan kit ujian sendiri akan disahkan melalui ujian RT-PCR

TIPS SELAMAT GUNA KIT UJIAN KENDIRI

SEBELUM PROSEDUR

- Baca arahan kit ujian dengan teliti
- Pastikan kit ujian sendiri lengkap, belum luput tarikh & tidak rosak
- Cuci tangan sebelum mulakan prosedur bagi elak kontaminasi silang
- Pastikan tempat melakukan prosedur kering, bersih & pengudaraan yang baik
- Pastikan tiada orang lain berhampiran bagi elakkan risiko jangkitan / kontaminasi silang
- Jika perlu bantuan, pastikan individu itu pakai pelitup muka & sarung tangan

SEMASA PROSEDUR

- Ambil sampel air liur / caitan hidung secara sendiri
- Lakukan ujian dengan cermat mengikut manual kit
- Baca keputusan ujian dalam tempoh masa dinyatakan pada manual kit bagi mengetahui keputusan tidak tepat

SELEPAS PROSEDUR

- Pastikan semua alatan Kit Ujian Kendiri COVID-19 dimasukkan ke dalam plastik & ikat dengan sempurna
- Masukkan beg plastik itu ke dalam satu lagi beg plastik & ikat dengan kemas
- Buang ke dalam tong sampah tertutup
- Disinfeksi tempat prosedur dengan larutan disinfeksi yang sesuai
- Cuci tangan dengan sabun & air selepas selesai

Ara 342 - Alas Persekitaran & Pengawasan Penyelakit Berjangkit 1988 | CAC - Pusat Penilaian COVID-19
Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

JANGAN LUPA!

Laporkan keperluan status kit ujian sendiri menerusi aplikasi MySejahtera sama ada:



POSITIF +

- Wajib dilaporkan mengikut Akta 342
- Individu perlu ke CAC / klinik kesihatan berhampiran untuk penilaian kesihatan

NEGATIF -

- Jika berproblema, hadir ke fasiliti kesihatan swasta / KKM untuk penilaian kesihatan
- Jika merupakan kontak kes COVID-19, jilati kuarentin wajib sehingga tamat tempoh kuarentin

Ulang ujian sendiri COVID-19



Ulang ujian sendiri COVID-19

Diterbitkan: 4 Ogos 2021
Johor Bahru

Kawal harga ujian saringan Covid-19

Harga ditawarkan di hospital dan klinik swasta disifatkan masih mahal

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI

SHAH ALAM

Kerajaan digesa melakukan kawalan terhadap harga perkhidmatan ujian saringan Covid-19 yang ditawarkan hospital dan klinik swasta di negara ini yang disifatkan masih mahal.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Mohd Yusof Abdul Rahman berkata, bagi membolehkan harga perkhidmatan itu dikawal sepenuhnya ia boleh dimasukkan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Beliau berkata, langkah itu bagi memastikan caj ujian saringan Covid-19 tidak mahal keterlaluan hingga membebankan rakyat terutama golongan B40.

"Sebagai langkah mengawal harga ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan

Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mungkin boleh letakkannya di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 buat sementara waktu.

"Bila keadaan pandemik beransur pulih, ia mungkin boleh ditarik balik," katanya kepada *Sinar Ahad*.

Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai caj perkhidmatan ujian Covid-19 di hospital dan klinik swasta di Malaysia yang dikatakan masih mahal walaupun saringan ketika ini boleh menggunakan kaedah persampelan air liur atau *deep-throat saliva*.

Mengulas lanjut, Mohd Yusof menjelaskan, harga caj perkhidmatan perlu berpatutan untuk menggalakkan orang ramai membuat saringan.

"Kalau harganya mahal, kita bimbang ramai individu tidak pergi buat saringan sebab tak mampu bayar.

"Mungkin rumah mereka jauh untuk jalani ujian saringan secara percuma di fasiliti kerajaan dan ada klinik swasta berdekatan rumah, tapi harganya pula mahal," katanya.



MOHD YUSOF



AMRAHI

Justeru, tegasnya, dalam situasi sekarang, fasiliti swasta sepatutnya berganding bahu bersama kerajaan dengan mengenakan harga berpatutan untuk perkhidmatan tersebut.

Senada dengan Fomca, Persatuan Farmasi Malaysia (MPS) turut menyokong agar kawalan harga lebih ketat dilaksanakan kerajaan bagi mengawal kadar caj perkhidmatan ujian saringan Covid-19.

Presiden MPS, Amrahi Buang berkata, kawalan harga juga mesti dilakukan

di peringkat pengeluar, pengedar dan peruncit bagi kit ujian pengesanan Covid-19 termasuk di Sabah dan Sarawak.

"Kerajaan juga boleh memberikan subsidi untuk caj perkhidmatan ujian saringan di fasiliti swasta sekiranya mempunyai kemampuan dari segi kewangan.

"Ta untuk mengurangkan beban rakyat kerana dalam keadaan sekarang kita tahu ramai rakyat terjejas pendapatan," katanya.

Ujarnya, kadar caj ujian saringan di negara ini masih mahal ekoran permintaan tinggi disebabkan kes yang melonjak saban hari.





**INFO
HARGA
UJIAN
COVID-19**



**HARGA PURATA DI
HOSPITAL DAN KLINIK
SWASTA:**
- RT-PCR RM190
KE ATAS
- RTK-AG RM80 KE
ATAS

**HARGA SILING
DITETAPKAN BAWAH
ORDINAN DARURAT:**
- RT-PCR RM150
- RTK-AG RM60

Ministry watching out for sub-par face masks

PARIT BUNTAR: The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry will be monitoring reports of low-quality and fake face masks being sold, including online, in Perak. Perak Domestic Trade and Consumer Affairs, National Integration and Civil Society Committee chairman Datuk Abdul Yunus Jamahri said the move was necessary to curb the sale of such items, as those who use them could be exposed to the Covid-19 virus. "The public can lodge a complaint with the nearest ministry office for further action," he told reporters after inspecting the Community Vaccine Mobilisation programme at SJK (C) Nam Hua in Tanjung Pian-dang, near here, yesterday.

